

17/05/1999

Lima tokoh guru terima anugerah

PRINSIP kerja positif melalui komitmen yang tinggi serta menjalankan tugas dengan ikhlas memberi ganjaran bermakna kepada lima bekas pendidik apabila mereka diumumkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan tahun ini.

Mereka ialah Molly Chong Nee Molly Gee, 63; Mohd Mokhtar Talib (Matlob), 62; Rahmah Hussain, 60; Hambali Abdul Razak, 59; serta Kasim Muhammad, 56.

Setiap tokoh berkenaan masing-masing menerima hadiah pingat emas bernilai RM2,000, cenderamata serta sijil yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam majlis pelancaran perayaan Hari Guru 1999 peringkat kebangsaan di Mines Exhibition Centre, Sungai Besi, semalam.

Penganugerahan itu melambangkan penghargaan dan pengiktirafan Kementerian Pendidikan terhadap kewibawaan seseorang guru berdasarkan kriteria khusus, iaitu perkhidmatan cemerlang di bilik darjah, sumbangan cemerlang kepada profesion perguruan dan pendidikan, pembabitan aktif dalam kegiatan luar bilik darjah dan khidmat masyarakat, serta kecemerlangan dalam bidang lain.

Ketika ditemui Berita Harian selepas majlis pelancaran itu, Kasim berkata, setiap guru perlu menghayati tanggungjawab dan tugas mereka sebagai pendidik kepada generasi yang bakal menjadi pemimpin negara.

Menurutnya, guru harus menjalankan tanggungjawab dengan jujur dan ikhlas, serta berusaha memperluaskan penguasaan ilmu diri mereka bersesuaian dengan keperluan keadaan semasa.

"Ini kerana pendidikan sentiasa berkembang. Tambahan pula, guru kini menghadapi cabaran lebih besar kerana perlu berdepan dengan pelajar yang sudah mempunyai asas kukuh dari segi pengetahuan am dan cerdas," katanya.

Sementara itu, Molly Chong berkata, penganugerahan berkenaan bukan saja merupakan penghormatan kepada dirinya tetapi juga profesion perguruan secara keseluruhan.

Ditanya mengenai pegangan prinsip kerja selama bertugas sebagai pendidik, beliau berkata, dirinya sentiasa berusaha memberikan komitmen penuh dalam melaksanakan tanggungjawab itu.

Tambahan pula, katanya, tugas seorang guru yang perlu berdepan dan menangani pelbagai kerenah pelajar, bukanlah mudah.

"Sehubungan itu, setiap guru perlu berminat dan ikhlas terhadap kebajikan pelajar, termasuk dari segi bagaimana membantu mereka sebagai seorang insan walau betapa nakal sekalipun seseorang pelajar itu," katanya.

Bagi Mohd Mokhtar pula, guru tidak boleh bersikap lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pendidik serta harus sentiasa berusaha memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurutnya, guru perlu menggambarkan pelajar sebagai seorang yang bakal menjadi pemimpin negara pada suatu hari dan kejayaan pelajar itu kelak pasti akan menjadi kebanggaan mereka.

"Nasihat saya kepada golongan guru ialah jangan terlalu mengkomersialkan pendidikan, iaitu jangan terlalu memikirkan ganjaran semata-mata dalam menjalankan tugas," katanya.

Sementara itu, prinsip kerja yang dipegang oleh Rahmah selama bertugas sebagai guru pula ialah berusaha menjadikan suatu pelajaran berkenaan semudah mungkin untuk dikuasai oleh pelajar.

Justeru, katanya, beliau sentiasa berusaha mendapat serta menggunakan

pelbagai sumber bantuan mengajar dan tidak hanya tertumpu pada buku teks.

"Selain itu, saya juga suka pelajar bersikap cergas, bukan hanya dalam bidang akademik tetapi juga kegiatan kokurikulum," katanya.

Seterusnya, Hambali berasa terharu di atas penganugerahan itu yang tidak pernah dijangkakannya kerana berpendapat pelaksanaan tugas dalam bidang pendidikan selama ini adalah untuk memenuhi tanggungjawab sebagai seorang guru.

"Ketika bertugas, saya menganggap mengajar pelajar seperti mengajar anak sendiri kerana setiap orang menginginkan anak mereka berjaya dalam pelajaran dan berbudi pekerti.

"Berdasarkan prinsip itu, seseorang guru akan berusaha mengajar dengan berkesan serta mesra dengan pelajar dan untuk menjadi guru berkesan pula, guru perlu ada niat yang baik," katanya.